

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 2 OGOS 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 30

### Ekonomi Malaysia boleh capai lebih 4.8 peratus

# Ekonomi Malaysia boleh capai lebih 4.8 peratus

Ini bergantung seberapa pantas program pembangunan Ekonomi Madani dilaksanakan

KUALA LUMPUR

**M**alaysia berpotensi berkembang lebih 4.8 peratus jika naratif Ekonomi Madani yang baru dilancarkan dilaksanakan dengan pantas dalam kalangan kementerian dan agensi-agensi kerajaan, kata seorang penganalisis.

Ketua Ekonomi dan Kewangan Sosial Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata, usaha kolektif itu semuanya bergantung kepada seberapa pantas kerajaan dapat melaksanakan program

-program pembangunan mereka. "Selain itu, pada masa yang sama, bagaimana ia boleh meningkatkan penyelaras dalam kalangan kementerian dan agensi-agensi kerajaan supaya mereka tidak bekerja secara bersendirian dan mampu mengeluarkan hasil yang diharapkan," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Mohd Afzanizam juga berkata, penduduk Malaysia semakin bertambah dan negara dikurniakan dengan banyak sumber asli seperti minyak dan gas.

"Apatah lagi kita ini adalah negara berbilang budaya, berbilang bahasa dan berbilang kaum dan ini menyediakan asas yang kukuh untuk pelaburan langsung asing dan bakat datang ke sini.

"Faktor-faktor ini bagus untuk perniagaan berkembang maju," katanya, sambil menambah beliau dapat menyaksikan



AFZANIZAM

berharap pelaksanaan Ekonomi Madani secepat



Kerangka Ekonomi Madani menggariskan dua bidang fokus utama iaitu menstruktur semula ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup semua rakyat Malaysia.

mungkin demi kebaikan rakyat jelata.

Kerangka ekonomi itu menggariskan dua bidang fokus utama, iaitu menstruktur semula ekonomi ke arah menjadi peneraju ekonomi Asia dan

TUKARAN ASING		
MATA WANG	BELIAN	JUALAN
1 DOLAR AS	4.515	4.52
1 EURO	4.9548	4.9616
1 DOLAR SINGAPURA	3.3843	3.3901
POUND UK	5.79	5.7983
100 RIAL SAUDI	120.3294	120.4691
100 RUPIAH INDO	0.0299	0.0299

meningkatkan kualiti hidup semua rakyat Malaysia.

Rangka kerja itu juga akan menjadi asas kepada beberapa dasar lain yang akan diumumkan kemudian. -Bernama